

HENTIKAN VANDAL

Vandalisme merupakan tindakan yang melibatkan pemusnahan atau kerosakan harta benda awam dengan sengaja dan tidak masuk akal. Istilah ini merangkumi kerosakan harta benda tanpa kebenaran dan pengetahuan pemiliknya. Perkataan vandalisme diambil daripada puak yang dikenali sebagai Vandal, yang berasal dari selatan Scandinavia. Puak Vandal merupakan gelaran yang diberikan kepada sekumpulan orang *Barbarian* (tidak bertamadun), yang menubuhkan sebuah negara di Afrika Utara selama lebih satu abad sebelum dijajah oleh Empayar Byzantine pada 534 Masihi. Puak ini juga berjaya membinasakan Kota Rom pada 445 Masihi dan kerap kali membinasakan harta benda yang bukan miliknya. Maka itu, masyarakat setempat menggelar perbuatannya itu sebagai vandalisme.

Vandal dan kumpulannya turut merosakkan monumen dan istana pada zamannya. Mereka bertanggungjawab memusnahkan seni bina dan patung yang pada ketika itu menjadi simbolik keagungan seni bina Rom. Perbuatan mereka ini dikenali sebagai vandal seni. Kemudian, istilah vandalisme dicipta oleh Henri Gregoire pada tahun 1794, yang menggambarkan penghancuran karya seni setelah Revolusi Perancis. Istilah ini dengan pantasnya diguna pakai di seluruh Eropah. Antara vandalisme yang menimbulkan kemarahan banyak pihak termasuklah pembakaran Istana Tuileries, yang disengajakan pada 23 Mei 1871.

Di negara ini, vandalisme bukanlah perkataan baharu. Istilah ini sering diungkapkan dalam sesi pembelajaran di sekolah dan pihak sekolah juga sering memberikan peringatan agar semua pelajar menjauhi perbuatan vandalisme.

Banyak pengkaji mendefinisikan vandalisme dalam pelbagai konteks. Lebih terperinci, vandalisme sering kali dikaitkan dengan perbuatan merosakkan harta benda awam, seperti papan tanda, kerusi, perhentian bas, telefon dan juga tandas awam. Tidak keterlaluan juga, ada yang mengaitkan perbuatan ini dengan remaja yang terlibat dengan aktiviti melepak secara berkumpulan.

Motif utama vandalisme kebanyakannya dikaitkan dengan aspek emosi. Vandalisme biasanya dianggap sebagai satu cara untuk melepaskan rasa geram ataupun untuk menghilangkan kebosanan. Menurut portal myhealth.gov.my, vandalisme boleh dilakukan secara bersendirian atau berkumpulan. Walaupun motif individu atau kumpulan yang melakukan vandalisme dianggap ringan oleh sesetengah pihak, pada akhirnya masyarakat awam terpaksa menanggung kerugian yang besar akibat daripada perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini. Dalam kalangan pengkaji di Barat, vandalisme mencerminkan mentaliti dan kemajuan tamadun sesebuah bangsa dan negara. Lebih tinggi tahap perlakuan vandalisme yang dilakukan di sesebuah negara, maka lebih mundur sesebuah negara tersebut.

Malaysia pernah digemparkan dengan perbuatan vandalisme yang melampaui batas apabila pada 20 Julai lalu, mural gergasi pemimpin negara yang terdiri daripada mural Yang di-Pertuan Agong (YDPA), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah; Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin

Yassin; Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah; dan Duta Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, di Taman Cahaya Alam, Seksyen U12, Shah Alam, Selangor, diconteng dengan kata-kata kesat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kejadian itu menggemparkan negara dan banyak pihak melahirkan kekecewaan dengan sikap vandalisme yang masih menebal dalam segelintir pihak di negara ini. Rentetan hal itu, banyak pihak mahu pihak berkuasa menjejaki pelakunya dan menghukum mereka dengan tindakan yang setimpal. Sehingga makalah ini ditulis, pelakunya masih belum ditemukan, namun pihak berkuasa masih meneruskan siasatan dan percaya bahawa pada suatu hari nanti, pelakunya pasti akan ditangkap.

Persoalannya, apakah faktor yang membawa kepada perbuatan vandalisme? Beberapa orang pakar perubatan merumuskan bahawa individu atau kumpulan yang melakukan vandalisme adalah bertujuan untuk mendapatkan sesuatu, contohnya mencuri duit dari telefon awam, iaitu kemudahan awam itu akan dimusnahkan – gagang telefon dihempas berkali-kali, ruang untuk memasukkan syiling dirosakkan dengan mencucuknya menggunakan dawai dan kayu, dan membakar skrin paparan.

Selain itu, vandalisme juga sering berlaku apabila si pelaku ingin memasuki kawasan yang tidak dibenarkan. Sebagai contohnya, memecah masuk kediaman orang lain. Individu atau kumpulan yang terhalang daripada memasuki rumah atau pejabat akan sanggup merosakkan tombol pintu atau memecahkan pintu hanya untuk memastikan mereka dapat membolosi kawasan tersebut. Namun begitu, sekiranya mereka gagal, mereka akan lebih terdorong (tercabar) untuk melakukan lebih banyak kerosakan.

Terdapat juga kajian yang mendapati bahawa vandalisme dilakukan untuk menyatakan sesuatu idea dan kepercayaan. Pada kebiasaannya, ada remaja yang percaya bahawa dengan merosakkan harta benda awam mereka akan lebih dihormati dalam kalangan rakan atau ahli kumpulannya. Mereka mahu membuktikan bahawa mereka berani melanggar peraturan dan undang-undang dan hal ini akan lebih menyeronokkan apabila “keberanian” itu tersebar dalam kalangan ahli kumpulan atau kenalan mereka.

ISME!



Kerusi di pondok menunggu bas dirosakkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Vandalisme juga dilakukan untuk membalas dendam; untuk meluahkan rasa tidak puas hati terhadap seseorang atau sesebuah organisasi; dan untuk keseronokan dan kepuasan diri. Contoh kejadian terkait untuk membalas dendam yang paling menyayat hati berlaku pada 14 September 2017, apabila seorang remaja sengaja melakukan kebakaran ke atas pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, di Wangsa Maju, yang membunuh 23 orang penghuni pusat tahfiz berkenaan. Menurut siasatan pihak berkuasa, dendam dan ejek-mengejek menjadi motif utama suspek membakar pusat tahfiz berkenaan.

Persoalannya yang lebih penting, apakah akibat buruk apabila seorang remaja terjerumus dalam vandalisme? Remaja yang aktif melakukan vandalisme akan mudah menjadi penjenayah apabila dewasa kelak dan mungkin juga akan terlibat dalam keganasan. Hal ini dapat dibuktikan apabila remaja yang terlibat membakar pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah itu akhirnya dijatuhi hukuman penjara selama diperkenankan oleh YDPA. Hal ini dikatakan demikian kerana pesalah di bawah umur 18 tahun tidak boleh

dikenakan hukuman mati di bawah Seksyen 97(1) Akta Kanak-Kanak 2001, namun boleh digantikan dengan hukuman penjara selama diperkenankan oleh YDPA.

Selain itu, remaja yang melakukan vandalisme juga pada kebiasaannya akan terlibat dalam salah laku lain, seperti gangguan seksual, pencerobohan, kecurian dan pencemaran alam sekitar seperti pembuangan sampah sarap di tempat yang tidak sepatutnya.

Remaja yang melakukan vandalisme juga selalunya menghadapi masalah dengan pihak sekolah. Mereka sering mendapat prestasi buruk dan keadaan ini pada akhirnya boleh menjejaskan reputasi dan mengurangkan peluang mereka untuk berjaya dalam pelajaran.

Terdapat undang-undang kecil yang berkaitan dengan vandalisme yang dikuatkuasakan oleh pelbagai pihak berkuasa tempatan untuk menghukum mereka yang melakukan vandalisme. Pada masa ini, pesalah boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan bahawa sesiapa yang melakukan kerosakan yang menyebabkan kerugian yang bernilai RM25 ke atas boleh dipenjarakan

antara satu hingga lima tahun dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Begitu pun, sudah tiba masanya kerajaan dicadangkan supaya melaksanakan hukuman khidmat masyarakat kepada mereka yang melakukan perbuatan vandalisme bagi menimbulkan rasa malu dan takut dalam kalangan pelaku. Hukuman ini banyak dikuatkuasakan di negara maju, seperti Amerika Syarikat, Australia, dan New Zealand.

Selain hukuman dan denda, pelaku dan mereka yang terdorong untuk melakukan vandalisme juga perlu memahami bahawa vandalisme merupakan satu kesalahan jenayah. Oleh itu, tanyalah diri anda, bagaimanakah kemusnahan harta benda boleh membantu diri anda? Apakah pulangannya setelah anda merosakkan harta benda tersebut?

Jika anda dimarahi guru kerana tidak menyiapkan tugas sekolah, adakah dengan merosakkan harta benda awam akan dapat menyelesaikan masalah anda? Setelah anda menconteng bangunan atau memecahkan tong sampah awam, adakah tugas anda secara automatik akan dapat disiapkan? Sudah tentu jawapannya tidak, malah anda sebenarnya menambah masalah lain yang lebih serius dalam hidup anda. Oleh itu, sekali lagi ajukan soalan kepada diri anda, adakah berbaloi untuk anda merosakkan harta milik awam?

Yang sebenarnya, cara terbaik untuk anda keluar daripada perbuatan vandalisme ialah anda perlu meninggalkan rakan yang mempunyai kecenderungan untuk melakukan perkara yang sama. Tinggalkan mereka dan didik diri anda untuk berkawan dengan mereka yang mementingkan pendidikan dan masa hadapan. Selain itu, anda juga perlu memupuk kemahiran menyelesaikan masalah secara

sihat dan wajar. Semua masalah boleh diselesaikan tetapi perlu bergantung pada tindakan anda untuk merujuk masalah tersebut. Carilah individu yang rapat dan boleh dipercayai atau yang lebih dewasa daripada anda, misalnya guru dan ahli keluarga anda untuk menyelesaikan masalah itu.

Anda juga perlu mengenal pasti punca masalah dan carilah cara yang terbaik dan sesuai untuk menyelesaikan masalah tersebut dan bukannya dengan melakukan vandalisme. Misalnya, jika anda mempunyai masalah pembelajaran di sekolah, berjumpalah dengan guru kaunseling atau pembimbing rakan sebaya anda. Ceritakan masalah anda dan apa-apa yang terbuka dalam diri anda. Nyatakan kepada mereka bahawa anda tidak mahu terlibat dalam mana-mana jenayah (apabila gagal mengawal emosi) dan anda memerlukan bimbingan yang sewajarnya. Tidak perlu berasa malu untuk mengakui kelemahan dan kesilapan yang telah anda dilakukan.

Mungkin anda melihat masalah anda terlalu besar dan seolah-olah tiada jalan untuk keluar daripada masalah itu, walhal bagi orang lain, masalah anda

boleh diselesaikan. Anda juga perlu menanamkan dalam diri bahawa pada ketika anda memikirkan bahawa anda sebagai individu yang paling malang di dunia, ada orang lain yang lebih malang daripada anda. Mereka lebih kecewa, sedih dan tertekan tetapi tidak memilih untuk menyelesaikan masalah dengan masalah, sebaliknya mereka segera membetulkan masalah tersebut dan belajar memperbaiki diri bak lirik lagu *Fix You*, daripada kumpulan terkenal, Coldplay:

*When you try your best but you don't succeed
When you get what you want but not what you need
When you feel so tired but you can't sleep
Stuck in reverse.*

*When the tears come streaming down your face
Cause you lose something you can't replace
When you love someone but it goes to waste
What could it be worse?*

*Light will guide you home
And ignite your bones
And I will try to fix you.*

Sentiasalah libatkan diri anda dalam aktiviti sihat dan aktiviti kurang berisiko, seperti senaman, bersukan, melakukan hobi anda dan menyertai kerja sukarelawan yang boleh membantu anda mengatasi tekanan hidup. Anda juga perlu mengawal kelakuan sedikit demi sedikit dan mencatatkannya di atas kertas. Tiada kesalahan atau jenayah yang menyeronokkan di dunia ini apatah lagi apabila perbuatan anda itu perlu “dibayar” dengan hukuman dan undang-undang, termasuklah hukuman melakukan vandalisme. Oleh itu, ayuh hentikan perbuatan vandalisme dan raikan tahun baharu 2021 dengan melindungi harta awam seperti milik anda sendiri. [#kitajagakita.cs](https://www.kitajagakita.com)

